

BAB LIMA

BAB V

KESIMPULAN DAN SARANAN

Pada zaman Orde Baru di Indonesia, pihak penguasa terlalu banyak melakukan campur tangan terhadap hal ehwal berita akhbar. Pada masa tersebut, pemerintahan di bawah kepimpinan Suharto sangat dominan dengan pihak tentera sehingga imejnya dapat dilihat bahawa sistem pemerintahan yang dijalankan tidak jauh berbeza dengan sistem yang ada dalam militer. Kerana itu, tidak hairan apabila segala bentuk kegiatan yang dianggap penting termasuk yang berkaitan dengan kebebasan akhbar sangat ketat mendapat kawalan dari pemerintah.

Para elit penguasa telah pun mempergunakan jawatannya dalam mengawal aktiviti masyarakat, termasuk yang ada sangkut paut dengan kebebasan akhbar untuk tunduk dan patuh kepada arahan mereka, meskipun hal ini tidak diucapkan secara terang-terangan kepada pengelola akhbar bahawa segala berita akhbar harus bertanggungjawab kepada penguasa. Akhbar tidak dapat melakukan fungsinya sebagai pengawas terhadap pemerintah, kerana sudah dibatasi dengan berbagai peraturan untuk mempersempit kebebasan akhbar.

Tekanan terhadap kebebasan liputan berita akhbar pada masa pemerintahan Suharto sangat ketara terlihat dengan banyaknya peleburan dan penggantungan lesen penerbitan, berlakunya penahanan terhadap wartawan dan adanya permasalahan yang timbul selama tiga puluh tahun (zaman Orde Baru) beliau berkuasa tidak diketahui dengan jelas oleh rakyat, kerana kebebasan menyebarkan berita mengenai akhbar dalam tempoh tersebut sangat terbatas.

Pemimpin politik pemerintah atau mereka yang memegang jawatan penting dalam pemerintah dengan mudah menyembunyikan fakta yang sepatutnya didedahkan dan disampaikan kepada khalayak ramai. Banyak kejadian-kejadian yang menyangkut keselamatan rakyat disembunyikan, seperti peristiwa Tanjung Priok, pelaksanaan Operasi Militer di Aceh selama sepuluh tahun, iaitu dari tahun 1989-1998 serta berbagai peristiwa lainnya berkenaan anggota masyarakat yang hilang, meninggal atau ditahan baik di Aceh, Lampung, Irian Jaya, dan Timor Timur serta tempat-tempat lainnya.

Akhbar di Indonesia pada zaman Orde Baru tidak berani menyebar maklumat seadanya, kerana sentiasa dihadapkan dengan dilema antara memenuhi keinginan khalayak ramai dengan mematuhi kehendak penguasa. Pemerintah melalui Kementerian Penerangan sentiasa melakukan penapisan, kerana ianya dianggap cara yang paling efektif untuk menyekat idea-idea yang dapat memburukkan pemerintah. Dengan lain perkataan, penapisan merupakan penekanan yang dilakukan oleh pemerintah terhadap akhbar. Kerana itu, tidak merupakan suatu keanehan lagi apabila setiap berita ditapis dahulu oleh pemerintah sebelum disebarluaskan kepada khalayak ramai dalam akhbar.

Istilah "*akhbar yang bebas dan bertanggungjawab*" di Indonesia adalah akhbar yang mempunyai hubungan erat dengan pemerintah, sehingga ianya bukan lagi merupakan sebuah institusi yang bebas. Hal ini dapat dilihat dengan ketara kerana sentiasa berlaku penapisan terhadap berita-berita yang bersifat kritikan langsung terhadap pemerintah dalam akhbar. Maka sangat beralasan apabila timbul anggapan masyarakat bahawa kebebasan akhbar di Indonesia dikenali

sebagai "*akhbar yang bebas dan bertanggungjawab*" itu pada hakikatnya adalah akhbar yang selalu mendapat arahan dan tekanan daripada pihak tentera, sehingga akhbar tidak bebas bergerak.

Sebagaimana diuraikan dalam sejarah lahirnya undang-undang di Indonesia bahawa akhbar kebangsaan berperanan sebagai alat menggerakkan revolusi supaya berperanan memberikan maklumat melalui media dengan fungsi sosial untuk merangsang dan menggalakkan pemikiran yang berkembang dengan meliputi kehidupan masyarakat Indonesia. Di samping itu, akhbar kebangsaan diwajibkan mempertahan, menyelamat, melaksana, memelihara dan menjaga kesucian Perlembagaan 1945, memperjuangkan dan melaksanakan kepercayaan dan kehendak rakyat berdasarkan demokrasi Pancasila, memperjuangkan kebenaran dan keadilan berdasarkan kebebasan akhbar, memelihara perpaduan untuk memajukan perjuangan menentang penjajahan, penaklukan baru, feudal, liberal, komunis dan fahaman diktator, membentuk saluran ke arah membina kemajuan dan perkembangan minda rakyat.

Namun, hal tersebut di atas tidak menjadi realiti dalam pelaksanaannya selama Suharto memegang kuasa sejak tahun 1966, akhbar telah pun menerima banyak tekanan menyangkut kebebasan bersuara. Hal ini terbukti dengan masih ketatnya kawalan dan pengendalian terhadap aktiviti politik di tengah masyarakat. Fungsi utama akhbar sebagai alat penyebar maklumat tidak seperti yang diharapkan, bahkan mengalami kemunduran. Hal ini dapat dilihat dalam berita suratkhabar di Indonesia yang lebih banyak disebarluaskan bahan-bahan yang bersifat hiburan sahaja sehingga fungsi akhbar sebagai alat pendidikan semakin

berkurangan. Berlakunya keadaan ini tidak lain disebabkan campur tangan pemerintah yang begitu ketara terhadap setiap penyebaran berita dalam suratkhabar yang selari dengan kehendak penguasa. Pada saat itu, seolah-olah akhbar dianggap sebagai saluran penguasa. Ketika hal ini terjadi, akhbar tidak lagi berfungsi sebagaimana mestinya, iaitu sebagai penasihat, pengawal dan penyusun agenda.

Hal yang disebutkan di atas amat tidak sesuai dengan pendekatan konsep tentang akhbar di Indonesia yang telah dirumuskan bahawa akhbar itu bebas dan bertanggungjawab serta sihat dalam memberitakan segala masalah, menyebar maklumat yang objektif, melakukan kawalan sosial yang konstruktif, berfungsi sebagai penyalur keinginan atau kehendak orang ramai serta adanya hubungan yang baik antara akhbar, pemerintah dan masyarakat.

Apabila dilihat dari segi undang-undang bahawa kebebasan akhbar di Indonesia dan beberapa Negara Membangun lainnya seperti Malaysia, Singapura, Thailand dan India mempunyai banyak persamaan, seperti pelesenan, penapisan dan kawalan, namun pada praktiknya mempunyai banyak perbezaan. Hal ini disebabkan kerana Indonesia dipimpin oleh tentera pada masa Orde Baru. Keterlibatan tentera dalam dasar pemerintahan sangat kuat pada masa itu, kerana mereka diberi peranan berganda. Selain fungsinya sebagai alat pertahanan negara, tentera juga dilibatkan dalam politik. Salah satu contohnya adalah adanya satu golongan khas ahli parliment Indonesia diperuntukkan untuk tentera tanpa melalui proses pilihan raya. Di samping itu, banyak jawatan seperti menteri, gabenor, dan

beragam jawatan penting lainnya dipegang oleh mereka. Tentera beranggapan bahawa mereka lah yang sanggup dan layak memimpin Indonesia, dengan alasan mereka telah terbiasa dengan tugas dan tanggungjawab yang penuh disiplin. Mereka membandingkan keadaan masa dahulu dan menganggap bahawa sistem pemerintahan Indonesia pada masa Sukarno berkuasa sangat tidak menentu. Mereka beranggapan bahawa keadaan seperti itu berlaku kerana kebanyakan jawatan penting dalam pemerintahan dipegang oleh orang awam tanpa melibatkan tentera dalam politik.

Realiti lain untuk menyokong anggapan bahawa pada masa pemerintahan Suharto atau Orde Baru bahawa akhbar sangat ketat dikawal oleh pemerintah ialah adanya syarat-syarat yang ketat untuk mendapatkan Surat Izin Usaha Penerbitan Akhbar (SIUPP)/Surat Izin Terbit yang lebih bertujuan menyekat kebebasan berucap dan menyuarakan pendapat. Salah satunya adalah adanya rekomendasi dari Perhimpunan Wartawan Indonesia (PWI). Organisasi ini adalah satu-satunya organisasi kewartawanan yang ada di Indonesia pada masa itu dan tidak dibenarkan penubuhan sebarang organisasi kewartawanan lainnya.

Kebebasan akhbar di Indonesia pada masa Orde Baru adalah akhbar yang bebas dan bertanggungjawab hanya pada kertas sahaja. Segala peraturan yang dikeluarkan melalui Menteri Penerangan yang isinya bahawa akhbar kebangsaan tidak dikenakan penapisan dan peleburan, ternyata pada praktiknya tidak demikian, pemerintah membuat peraturan lain dalam usaha membolehkan penapisan dan peleburan. Hal ini tidak terlepas dari keadaan politik pada masa itu

yang bercorak otoriter, sehingga turut berpengaruh kepada corak kebebasan akhbar yang banyak mempunyai ciri-ciri di bawah teori Autoriter juga.

Dari data penemuan lapangan melalui temubual beberapa wartawan, ahli pertubuhan Islam, ahli akademik, ahli politik dan mahasiswa serta analisis kandungan majalah mingguan *Gatra* dan akhbar *Kompas*, didapati bahawa liputan berita akhbar pada zaman Orde Baru banyak mendapat tekanan daripada pemerintah, seperti kawalan, penapisan dan penggantungan pelesenan. Sebaliknya, pada Era Reformasi, hal seumpama itu tidak pernah berlaku lagi. Walaupun masih juga terjadi tekanan daripada kumpulan-kumpulan yang ada dalam masyarakat, namun hal itu tidak seberat seperti yang dirasakan pada zaman Orde Baru.

Pemerintahan Era Reformasi mula menyedari bahawa kebebasan akhbar merupakan modal terwujudnya perlindungan hak-hak asasi manusia, serta jaminan terhadap kebebasan-kebebasan lainnya. Kebebasan akhbar dapat membawa kepada keterbukaan dan pemerintahan yang baik. Kebebasan akhbar dapat memastikan penegakan undang-undang sehingga masyarakat merasakan asas keadilan yang sebenarnya. Undang-Undang No. 40 Tahun 1999 mengatur peranan akhbar sebagai pengawas terhadap pemerintah mempunyai asas hukum yang jauh lebih baik dibandingkan dengan undang-undang yang lahir pada zaman Orde Baru.

Undang-undang tersebut berdasarkan kepada anggapan bahawa kebebasan mengeluarkan pendapat, baik secara lisan maupun tulisan, secara individu

mahupun berkumpulan adalah dilindungi. Dalam hal ini, kebebasan akhbar adalah suatu bentuk kebebasan yang merupakan kekuasaan rakyat. Akhbar memiliki kemerdekaan mencari dan menyampaikan maklumat yang dapat dipertanggungjawabkan kepada semua pihak seperti pembaca, pemerintah dan masyarakat.

Akhbar di Indonesia sudah mula menjadi pengawas (*watchdog*) terhadap segala aktiviti pemerintahan, sama halnya seperti perkembangan akhbar di Amerika Syarikat tiga puluh tahun yang lalu, di mana akhbar perlahan-lahan berkembang sebagai institusi yang kuat sebagai *the fourth estate* (kekuatan keempat setelah tiga badan kekuasaan legislatif, eksekutif dan kehakiman). Yang membezakannya ialah institusi akhbar tidak berada dalam kerangka pemerintahan. Pengalaman negara yang sudah mengamalkan kehidupan demokrasi menunjukkan bahawa memberi kebebasan kepada akhbar adalah syarat utama yang harus dipenuhi. Kebebasan akhbar dapat mencegah terhambatnya saluran-saluran demokrasi yang dapat mengakibatkan timbulnya rasa tidak puas dan aksi kekerasan.

Disebabkan dominannya peranan akhbar pada Era Reformasi, maka akhbar Indonesia juga mendapat sebutan *the fourth estate* kerana telah mampu menyebar maklumat yang mengkritik dasar pemerintah yang bertentangan dengan prinsip “good government”. Di samping itu, akhbar juga telah berani membongkar pelanggaran-pelanggaran selama Orde Baru, termasuk pencabulan hak-hak asasi manusia, korupsi, kolusi dan lain-lain. Ini bermakna, akhbar di Indonesia berperanan membantu proses demokrasi pada Era Reformasi, kerana demokrasi

merupakan sistem yang berusaha memenuhi kehendak rakyat. Demokrasi telah menjadi dasar akhbar Indonesia selepas rejim Orde Baru.

Kesannya pun dapat dilihat bahawa pada Era Reformasi, akhbar Indonesia telah menunjukkan perkembangan yang cukup bererti dalam melaksanakan tugas, fungsi, hak dan kewajipannya, antara lain dengan meluasnya jangkauan peredaran akhbar di seluruh Indonesia dan meningkatnya tingkat pendidikan dan wawasan para wartawan Indonesia.

Kebebasan akhbar kelihatan jauh lebih baik pada masa pemerintahan Habibie, ertinya kebebasan akhbar mulai wujud, walaupun kebebasan itu tidak bebas semuanya dan dibatasi oleh kod etika akhbar yang ada di Indonesia, seperti tidak menyebarkan berita atau gambar yang berunsur lucuah. Walaupun demikian, ada juga akhbar yang menyebarkan berita dan bertindak sebebas-bebasnya dan tidak peduli terhadap kod etika akhbar yang ada. Ini sangat bergantung kepada sudut pandangan akhbar yang berbeza, sebab telah puluhan tahun terkurung dan tidak merasakan kebebasan.

Pada masa pemerintahan Habibie atau lebih dikenali sebagai Era Reformasi, penerbitan akhbar-akhbar meningkat dengan pesat. Hal ini disebabkan mudahnya mendapat Surat Izin Usaha Penerbitan Pres (SIUPP). Peningkatan pengeluaran SIUPP, iaitu dari 289 surat izin pada masa Orde Baru bertambah kepada 1,398 surat izin pada Era Reformasi. Di samping itu, hal lain yang dinilai oleh wartawan bahawa kebebasan akhbar di Indonesia mulai ada, iaitu para wartawan bebas memilih organisasinya, tidak mesti berada di bawah satu

organisasi sahaja seperti pada masa Orde Baru, iaitu di bawah Persatuan Wartawan Indonesia (PWI). Organisasi wartawan pada Era Reformasi telah pun ditubuhkan begitu banyak.

Berdasarkan apa yang telah dihuraikan di atas, maka dapat dikatakan bahawa akhbar pada Era Reformasi banyak mempunyai ciri-ciri teori Libertarian. Hal ini disokong oleh realiti yang menggambarkan bahawa Era Reformasi adalah era keterbukaan, termasuk adanya jaminan terhadap kebebasan akhbar. Dengan adanya peraturan yang dipermudah untuk mendapatkan pelesenan dari pemerintah terhadap penerbitan akhbar, seolah-olah pelesenan itu tidak diperlukan lagi, ianya hanya sebagai formaliti sahaja. Akhbar sudah bebas daripada sebarang penapisan serta mempunyai hak kritikan terhadap pemerintah.

Di samping itu, berbagai kumpulan masyarakat Indonesia pada Era Reformasi begitu gembira dengan adanya kebebasan akhbar. Hal ini sangat penting kerana akhbar yang bebas dapat menyebarkan realiti yang terjadi dan mengawal dasar penguasa pemerintahan dan tentera, sehingga secara tidak langsung masyarakat pun dapat ikut mengawal dasar penguasa.

Pada Era Reformasi, undang-undang hal ehwal akhbar di Indonesia juga hampir sama dengan beberapa Negara Membangun, seperti Malaysia, Thailand, Singapura dan India, namun pada praktiknya banyak mempunyai persamaan dengan sistem Libertarian. Sedikitnya ada tiga perubahan menyangkut hal ehwal akhbar pada Era Reformasi. Pertama, pemberitaan disebarluaskan dengan lebih terbuka. Akhbar semakin berani membuat pemberitaan terhadap hal-hal yang

dipantang pada zaman Orde Baru, seperti membuat kritikan terhadap pemimpin pemerintahan. Namun, pada Era Reformasi, kritikan terhadap pemimpin termasuk kepada presiden sentiasa didapati. Hal ini dilakukan memandangkan tidak adanya tekanan dan penapisan lagi dari pemerintah terhadap liputan berita akhbar. Akhbar telah pun berani melakukan semua ini kerana tidak takut lagi terhadap risiko pelarangan dan pennggantungan pelesenan. Kedua, banyaknya terbit akhbar baru mahupun akhbar lama yang telah digantung pada zaman Orde Baru. Hal ini tidak terlepas dari mudahnya mendapat pelesenan daripada pemerintah. Kalau pada masa Orde Baru syarat-syarat untuk mendapatkan lesen penerbitan sangat susah, namun hal seumpama ini tidak ada lagi pada Era Reformasi. Ketiga, lahirnya kembali akhbar-akhbar yang mempunyai hubungan dengan parti-parti politik. Kerana sudah begitu bebasnya bersuara, parti-parti politik sudah memiliki media tersendiri dalam usaha menyebar maklumat kepada masyarakat. Hal ini sangat berbeza dengan zaman Orde Baru, di mana parti yang berkuasa sahaja (parti Golkar) yang mempunyai hubungan dengan akhbar. Semua perubahan pemberitaan akhbar pada Era Reformasi tidak terlepas daripada praktik politik yang otoriter kepada sistem demokratik.

Kajian ini mungkin mempunyai hal-hal yang perlu mendapat perhatian, antara lain: Pertama, ianya hanya membincangkan keadaan akhbar mulai tahun 1966-1999. Jadi, hal ini tidak menggambarkan keadaan akhbar di Indonesia selepas masa tersebut. Kedua, pengkaji hanya dapat menemuramah 26 orang tertentu sahaja sebagaimana tersebut di atas. Jadi, ianya tidak semestinya boleh dianggap mewakili pandangan keseluruhan rakyat Indonesia. Ketiga, hanya beberapa tajuk dari akhbar *Kompas* dan majalah berita *Gatra* sahaja yang

dianalisis. Kerana itu, pengkaji mencadangkan supaya penyelidikan yang akan datang dibuat mulai tahun 1945, iaitu pada masa Orde Lama hingga ke tahun selepas 1999 dengan menemuramah lebih ramai orang dan menganalisis lebih banyak akhbar.